


# 'Hackathon Belia' pupuk pemimpin belia rungkai masalah masyarakat

Acara bahagian penting Persidangan Antarabangsa mengenai Masyarakat Gemilang (ICCOS) 2024

## BERSAMA



ZAHRIINA ZAKARIA

Selama dua hari, belia daripada pelbagai sekolah dan latar belakang berkumpul untuk mencernakan idea mereka mengenai kehidupan dalam 'Hackathon Belia'.

Meskipun pada awalnya berasa asing antara satu sama lain, kami dapat selesaikan diri dan bersatu dengan matlamat mencari penyelesaian bagi dunia yang lebih baik.

Secara peribadi, pengalaman itu pastinya tidak dapat saya lupakan. Saya berasa cemas dan teruja pada masa yang sama kerana ia adalah hackathon pertama saya.

Saya pernah menyertai pertandingan di politeknik, tempat saya dan pasukan saya membangunkan penyelesaian untuk syarikat utama, tetapi ia dilakukan di luar talian dan tidak mempunyai hasil yang berkaitan dengan teknologi.

Namun, ia sangat bermanfaat kerana hackathon bertujuan membangunkan komuniti yang berjaya di Singapura, terutamanya tumpuan pada tahun ini adalah kepada peranan pemimpin masyarakat semasa dan akan datang.

'Hackathon Belia' adalah bahagian penting Persidangan Antarabangsa mengenai Masyarakat Gemilang (ICCOS) 2024, yang akan berlangsung pada 14 dan 15 Oktober.

Tiga pasukan teratas akan membentangkan penyelesaian pada peringkat akhir pada hari kedua acara Kafe Dunia ICCOS 2024 pada 15 Oktober.

Ia menyediakan wadah untuk masyarakat menghasilkan naratif kejayaan hebat berdasarkan tema 'Masyarakat Menyumbang, Institusi Dinamik'.

Dalam acara ini, cendekiawan agama, pemim-

pin, pegawai pemerintah dan pemimpin masyarakat dari seluruh dunia memberi pandangan dan menyertai panel perbincangan mengenai masyarakat Islam yang berjaya – Perwatakan, Kecakapan dan Kewangnegeraan.

ICCOS 2024 bertemakan 'Pemimpin Masa Depan Berinspirasi: Membangunkan Kepercayaan, Memperkasa Masyarakat'.

Ia bermula dengan bengkel prahackathon anjuran Projek Pemerintah Terbuka (OGP) bagi melengkapkan peserta dengan kemahiran berfikir.

Bengkel ini menyediakan peluang membimbing peserta menerusi proses pemikiran, termasuk bersikap empati dengan pengguna untuk menghasilkan huraian.

Sepanjang 48 jam hackathon ini berlangsung, semua kemahiran dan rangka kerja ini dilaksanakan, dan kami bekerja tanpa erti penat selain memperhalusi idea kami.

Nabi Muhammad *saw* bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud "Tidak sempurna iman di antara kamu sehingga dia mencintai saudaranya seperti mencintai dirinya sendiri." (hadis *muttafaqun alaih*, iaitu kesahihannya disepakati.)

Hadis tersebut mengajar kita tentang peri pentingnya empati, rahmah dan membuat kebaikan dalam menggalak persefahaman.

Nabi Muhammad *saw* mengamalkan empati dalam interaksi baginda bersama sahabat dan masyarakat.

Baginda bersikap penuh ihsan terhadap mereka dengan mendengar kebimbangan dan memahami keperluan mereka dengan teliti.

Empati membolehkannya memimpin dengan bijaksana, adil, dan rendah diri, menyemai perpaduan dan kepercayaan dalam kalangan pengikutnya.

Pemimpin Islam masa depan seperti kami para belia juga digalakkan mengikut jejak langkah baginda.

'Hackathon Belia' mesra pemula, jadi belia yang tidak mempunyai pengalaman boleh menyumbang kepakaran mereka, baik dalam teknologi maklumat, kerja sosial, pengurusan perniagaan mahupun lain-lain.

Selain itu, ia adalah peluang nilai tambah untuk belia menjalin rangkaian dengan rakan sebayu dan mendapat bimbingan daripada pakar industri.

### Kuasa Inovasi Belia

Peserta perlu menangani isu dunia sebenar merentas empat domain utama: Peningkatan dan



Peserta membincangkan dan melontarkan idea baru dalam mencari penyelesaian masalah yang membelenggu masyarakat dalam acara 'Hackathon Belia'. – Foto ihsan ZAHRIINA ZAKARIA



Pasukan Careviz membentangkan pandangan bernas mereka sewaktu acara 'Hackathon Belia', yang merupakan bahagian penting Persidangan Antarabangsa mengenai Komuniti yang Berjaya (ICCOS) 2024 – Foto ihsan ZAHRIINA ZAKARIA

Pemeriksaan Sosial; Kespadaan Sosial untuk Masa Depan; Kepimpinan Perwakilan; dan Pertimbangan untuk Masa Depan: Perusahaan, Profesional dan Sektor Agama.

Saya kagum akan penyertaan pasukan kerana mereka mempamerkan kepintaran luar biasa dan kebolehsuaian dalam membangunkan penyelesaian inovatif bagi masalah kompleks dalam bidang masing-masing.

Ini bukan saja menyerlahkan kreativiti individu muda seperti saya, malah menunjukkan bagaimana inovasi yang dipacu oleh belia boleh menawarkan perspektif segar dan pendekatan baru untuk menyelesaikan isu-isu semasa masyarakat.

Sebagai contoh, Pasukan NewRoots mengenal pasti jurang dalam sukarelawan yang berterusan dalam kalangan belia di bidang Kespadaan Sosial untuk Masa Depan.

Penyelesaian mereka adalah aplikasi yang membolehkan pengguna memilih jenis kegiatan yang mereka boleh lakukan secara sukarela berdasarkan minat mereka, dengan tumpuan mengintegrasikan pekerja asing.

Menerusinya, mereka berhasrat menutop jurang dengan meningkatkan kemungkinan suka-

relawan kembali menyertai acara yang sama.

### Keperluan Kerjasama dan Kerja Berpasukan

Pengalaman saya bekerja dalam pasukan yang ditugaskan secara rawak semasa 'Hackathon Belia' benar-benar memberi ganjaran.

Saya berpeluang bekerjasama dengan pelajar peringkat pengajian tinggi dan universiti serta belia bekerja.

Mereka membawa perspektif berbeza, pendekatan penyelesaian masalah dan set kemahiran unik. Hasilnya, kami dapat meningkatkan keberhasilan hackathon kami secara produktif.

### Peranan Pementoran dan Bimbingan

Semasa hackathon itu, penganjur membawa masuk perunding teknologi dan pakar perkara berkaitan daripada badan seperti Malay Muslims in Tech (MMiT), Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Yayasan Mendaki, Kelab Mendaki dan Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS).

Bersama penyelaras kami, mereka memberi sokongan dalam memahami masalah dan berkongsi pengetahuan tentang keperluan pengguna sasaran kami.

Ramai individu berdepan dengan masalah selepas menamatkan program peningkatan dan pelaksanaan sosial dek kekurangan bantuan lanjut.

Ini mendorong kami meneroka cara menyokong peralihan mereka dan akhirnya membangunkan contoh mampan yang membolehkan mereka menyumbang kembali kepada penerima bantuan kewangan dalam jangka panjang.

Bimbingan sedemikian bukan sahaja membantu dalam mencapai matlamat pendidikan dan kerjaya bahkan memupuk kemajuan peribadi.

Pementoran membantu individu muda dalam mengasah kemahiran insaniah dan memupuk perkembangan watak mereka.

### Masa Depan Kepimpinan Belia

Satu manfaat utama daripada acara itu ialah bagaimana pemimpin belia hari ini menjadi lebih kolaboratif, menerima kepelbagaian, dan memanfaatkan teknologi untuk menjana penyelesaian yang berkesan.

Tugas pemimpin muda semakin mencabar apabila mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu perubahan masyarakat.

Mereka dikehendaki bukan sahaja memimpin dengan empati dan visi, tetapi juga mengimbangi cita-cita dan realiti, memastikan idea baru mereka berani dan boleh dicapai.

Peluang untuk pemimpin belia adalah banyak. Dengan bimbingan, teknologi, dan rangkaian global, mereka berada dalam kedudukan unik untuk menangani kebimbangan global.

Satu perkara penting bagi saya ialah kepentingan empati dalam pemikiran. Dengan meletakkan diri kita dalam kedudukan pengguna sasaran, kita boleh membangunkan penyelesaian yang memenuhi keperluan mereka.

Saya percaya bahawa dengan keseimbangan empati dan tindakan yang sesuai, projek yang diterajui oleh belia mungkin mempunyai impak yang besar dan jangka panjang kepada masyarakat, berdaya maju dan membina masa depan yang lebih cerah.

► Penulis pernah memuntut di Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah sebelum meraih diploma dalam Pengurusan Penerbangan daripada Politeknik Temasek. Beliau sedang menyambung pengajian peringkat ijazah muda sains komputer di Universiti Nasional Singapura (NUS), dengan tumpuan kepada keselamatan siber.